

A. Samad Idris  
dengan



*Jejak-jejak  
Pejuang*

A. Samad Idris  
dengan

# *Jejak-jejak Pejuang*

Dibantu oleh : Naharuddin Haji Ali

## *Sejambak Kenangan*

**B**uku kecil ini saya berikan tajuk **“Jejak-Jejak Pejuang”** mengandungi 10 orang tokoh-tokoh pejuang gigih di mana ramai di antara kita yang tidak mengenali lagi.

Saya berhasrat untuk mengumpul seberapa ramai lagi tokoh dalam semua lapangan perjuangan untuk membebaskan tanahair dari cengkaman penjajah. Apa yang saya harapkan ia mendapat sokongan dari semua pihak semoga usaha ini akan mencapai matlamatnya.

Jika kedapatan sesuatu yang kekurangan dan kesilapan, ia merupakan tidak disengajakan. Harapan saya sama-sama diperbetulkan.

Siapakah yang harus dipersalahkan kalau generasi muda sekarang tidak mengenal tokoh-tokoh veteran yang berjuang menentang Malayan Union yang dipaksakan oleh penjajah Inggeris pada tahun 1946 dulu.

Tahun 1996 bererti 50 tahun sudah berlalu - bagi mereka yang berumur 50 tahun sekarang apalagi yang lebih muda, bagaimanakah mereka dapat mengenali bapa-bapa atau datuk-datuk mereka yang sudah lanjut umur dan tidak sedikit pula yang telah pergi meninggalkan kita.

Mungkin yang berusia dalam lingkungan 50 tahun boleh mengenang **“detik-detik 12 satu saat”** di Padang Selangor Club di mana turunnya bendera Union Jack dan berkibar megah bendera kita 39 tahun yang lalu.

Pejuang-pejuang ini tidak pernah meminta jasanya dikenang atau menagih simpati, lebih-lebih lagi menadah tangan meminta-minta sesuatu sebagai balasan dari titik peluh perjuangan mereka.

Apa yang mereka harapkan agar anak-anak cucu dan generasi muda dapat menikmati hasil perjuangan mereka dan menyedari akan kelemahan dan keciciran mereka di masa lampau akibat penjajah yang bersikap **“telunjuk lurus kelengkeng berkait”**, **“mulut disuap pisang ekor dicangkuk duri”**.

Tidak perlu saya huraikan di sini akan kelemahan yang dimaksudkan kerana anak-anak muda hari ini semuanya sudah berpendidikan menengah dan tinggi, sudah boleh malah bijak menilai sesuatu di mana intan dan di mana kaca.

Bagaimanapun ada juga baiknya sekadar, **“kalau lupa beringat, kepa takbur tertaubar”**, manusia bergaduh malah berperang dan berbunuh-bunuhan adalah disebabkan pembahagian rezeki, tamak haloba dan adakalanya menindas di antara satu sama lain.

Oleh itu beringat-ingatlah **“melantai sebelum bulus”**, **“tengadah sebelum terantuk”**, **“sesal dahulu pendapat sesal kemudian tidak**

**berguna"**, kalau sudah merasakan "sesat di hujung jalan baliklah ke pangkal jalan".

**"Bila berjalan ke depan sesekali tolehlah ke belakang"** agar ada munafaatnya.

Semoga Allah s.w.t. memberikan taufik dan hidayahnya.

**A. Samad Idris**

Teratak Desa Kuala Lumpur

1-10-1996.

# *Rintihan.....*

Kubawa dingin pagi yang menyegarkan  
ke wajahmu pesisir waktu  
termangu di antara getar rindu  
imbau kenanganku ke gunung menjulang indah  
Merapi Singgalang sayup berbalam  
igau bimbangku ke lurah memusar gundah!

Biarkan awan gemawan memintal janji  
memutih bak kapas di busar  
esok matari pasti kian meninggi  
Perjuangan ini kita jadikan ikrar:  
Ke benak menyelinap ingatan lampau  
ke dada terungkap perjalanan kita.

Di sini akan ku bina tugu persahabatan  
teman-temanku -  
bersama bait rangkap lirik lagu  
Semalam di Malaya:  
Oh! Di mana kawan dulu  
kawan dulu yang sama berjuang!  
Rintih hati pencipta ternama  
Saiful Bahari, temanku  
iya, temanku yang sama berjuang.

Setengah abad berlalu detik ke detik  
teman-temanku:  
bukan masa yang pendek  
memisahkan jarum waktu  
Ke mana kau teman-temanku  
di antara bayang yang hilang?

Siapa anak-anak yang menangisi  
- Kau yang melangkah pergi  
- Menyahut seruan Ilahi  
Kerana kau dilahirkan  
untuk menabur bakti  
bangsa & negara

warisan tercinta

Dengarkan pewaris bangsa  
yang bersopan di setiap abad  
ini tugu yang kau bina dengan air mata  
debar getarnya bersama keyakinan  
Tekad nekadnya bersama ketabahan!

Aku tahu teman-temanku:

Kau tidak pernah meminta  
jasamu dikenang anak-anak bangsa  
kau tidak pernah mengemis simpati  
belas ihsan penghormatan negara  
kau tidak pernah memohon janji  
darjah kebesaran mengerdip di dada.

Di dadamu terukir doa harapan  
agar bangsamu, negaramu & warisanmu  
selamat dan bebas:

Bebas dari cengkaman dan penindasan  
bernama penjajah yang kejam!

Hari ini ku bawa matari pagi  
menyinari jejak-jejak yang kau tinggalkan  
rasakan hangat panas bumi ini:

Kembali ke teratak desamu  
ke kota langkah kita bermula  
kau akan termangu  
bersama kemenangan namamu.

Kau akan membilang jerjak waktu  
zaman lampau yang kita tinggalkan  
langkah berat di jalan berkerikil  
beg usang terjenjeng di tangan  
haus dahaga di bawah bayang yang panjang.

Kini, kau bisa tersenyum teman-teman  
yang hilang tanpa nama besar  
nesanmu menjadi tugu saksi  
anak-anak yang kau dewasakan  
tabah yakinnya menjunjung kebenaran

rebah bangunnya menggenggam kesetiaan.  
Usah pula kau tangisi  
kalau anak-anakmu memalu gendang petualang  
bertandak mengikut rentak walang kecundang  
kerana pepatah yang berketak:  
Gading mana yang tidak retak?

Anak-anakku  
kembalilah ke pangkalan tempat kayuh bermula  
kembalilah ke daratan tempat kaki berjejak

Pitih bertaburan  
jangan biarkan mengabui mata  
basah dalam kekeringan -  
laksana buah dikait menimpa kepala  
luruhnya air mata kita!

Akan ku sampaikan pesan ini  
kepada anak-anak yang kau tinggalkan  
nikmat itu bukan semuanya kenikmatan  
celaka itu bukan semuanya kecelakaan  
kerana di antara kemegahan anak-anak yang berjaya  
gelap matanya malang kecundang  
gertap bibirnya walang petualang.

Lupakah anak-anak kota  
air telaga di desa  
lupakah anak-anak pesan pejuang bangsa:  
ular menyusur akar takkan hilang bisa

Mari teman-teman  
kita kembali mengukur perkasa wajamu  
kerana kau tidak mati  
di setiap inci bumi ini  
anak-anakmu sudah menikmati  
segala hasil limpah budimu yang abadi.

Kampung dan desa sudah terbina  
kota pembangunan, teman-teman  
telaga di kambus airnya mengalir dalam besi

pelita dipadamkan apinya menyala di kaca  
siapa lagi di antara kita  
mimpinya khayal di siang hari?

Kini, ku bawa dingin pagi  
bersama anak-anak berbimbing tangan ke sekolah  
orang tua kian mesra di masjidnya  
azan berkumandang di puncak menaranya  
teman-teman seperjuangan di mana suaramu?

A. Samad Idris  
Bukittinggi/Maninjau  
di suatu pagi  
26-9-96.





فرتو بهنك كيشانم سلاو برسيا تو

**PERTUBUHAN KEBANGSAAN MELAYU BERSATU (DARU) ATAU UMNO**

N0. Pendaftaran 676/88 (Wilayah Persekutuan)

**PRESIDEN**

## *Kata-kata Auan*

UMNO yang ditubuhkan pada 11hb. Mei 1946 di Johor Bahru menumpukan perjuangannya pada peringkat awal kepada dua asas pokok, pertama menyatupadukan orang-orang Melayu yang bersifat kenegerian dan kedua menentang penubuhan Malayan Union.

Sebagai yang kita semua maklum sesudah Dato' Onn berjaya dalam kedua-dua perjuangan tersebut dan kemudian meninggalkan UMNO, teraju UMNO telah diambilalih oleh Tunku Abdul Rahman Putra.

Dalam masa kepimpinan Tunku inilah UMNO telah meletakkan asas perjuangannya untuk merebut kemerdekaan tanahair daripada belenggu penjajahan.

Kepimpinan dan kejayaan UMNO dalam perjuangannya bukan terletak di tangan Tunku seorang tetapi adalah dengan bantuan dan sokongan padu setiap pemimpin di semua peringkat dari Bahagian dan Cawangan serta ahli-ahli dan mereka yang bersimpati dengan perjuangan kemerdekaan.

Kebanyakan daripada pemimpin ini telah meninggalkan kita buat selamalamanya dan ramai antara generasi muda sekarang yang tidak mengenali mereka. Ini adalah kerana kekurangan bahan-bahan bacaan mengenai perkara ini.

Oleh itu, usaha Tan Sri Samad Idris mengumpulkan perjuangan tokoh-tokoh kebangsaan menerusi pita video dan buku ini adalah satu usaha yang sangat berguna bukan sahaja sebagai tanda kita mengenang jasa dan bakti tokoh-tokoh tersebut tetapi juga untuk pengetahuan kita, terutama generasi muda sekarang.



**DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD**

Kuala Lumpur  
1 Oktober 1996



فروتنه كيشان اسلامبولستان

PERTUBUHAN KEBANGSAAN MELAYU BERSATU (BARU) ATAU UMNO

## Kata-kata Auan

Sebarang usaha untuk mengumpulkan bahan-bahan yang mengandungi sejarah lebih-lebih lagi sejarah perjuangan bangsa membebaskan tanahair amat dialu-alukan.

Buku yang disusun oleh Tan Sri Dato' A. Samad Idris yang diberi judul "Jejak-Jejak Pejuang" ini semoga mendapat perhatian semua peringkat terutama generasi muda.

Negara kita telah mencapai kemerdekaan 39 tahun yang lalu, bagi mereka yang berumur sekitar empat puluhan tentunya kurang mengenali tokoh-tokoh pejuang kemerdekaan ini.

Ketandusan bahan-bahan bacaan yang berupa sejarah, agak kurang ditulis oleh penulis-penulis kita, semoga dengan terbitnya buku sepuluh orang tokoh pejuang ini dapat mengisi ruang-ruang yang masih agak kekosongan.

Diharapkan usaha ini merupakan langkah awal bagi melangkah lebih jauh lagi ke depan.

Wassalam.

**Dato' Mohamad Rahmat**

Setiausaha Agung UMNO Malaysia,  
Merangkap Menteri Penerangan.



## *Kata-kata Bistari*

1. Kalau jasamu nak dikenang  
Kenanglah jasa mereka yang berjasa.
2. Dalam kehidupan insan di maya pada ini terdapat:  
Banyak kawan dan tidak kurang juga musuh:  
Musuh yang paling berbahaya ialah:  
Musuh yang berselindung di sebalik nama kawan iaitu:  
Musuh dalam selimut  
Menggunting dalam lipatan  
Pepat di luar - rencong di dalam  
Lain dimulut lain dihati
3. Sesuatu yang agak pasti terjadi:  
- Hari ini musuh - esok kawan  
- Hari ini kawan - esok musuh
4. Berani kerana benar  
Takut kerana salah
5. Benar itu kekuatan  
Bukan kekuatan itu benar
6.
  - a. Jalan mendatar - Jalan yang lurus dan adil.
  - b. Jalan melereng - Jalan yang lurus tetapi tak adil.
  - c. Jalan mendaki - Jalan yang adil tetapi dengan kekerasan.
  - d. Jalan menurun - Jalan mengalah dan tak adil.
7. Apabila menyalahkan orang lain kerana hendak menyembunyi-  
kan kesalahan sendiri menampakkan sikap buruk, tidak ber-  
hemah tinggi dan belum dewasa.



Datuk Onn Jaafar  
Yang diPertua Agung  
1946-1951



Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj  
Yang diPertua Agung  
1951-1970



Tun Abdul Razak Hussein  
Presiden UMNO  
1970-1976



Tun Hussein Onn  
Yang diPertua Agung  
1976-1981



Dato Seri Anwar Ibrahim  
Timbalan Presiden



**ZAINAL ABIDIN BIN AHMAD (ZAABA)**

## **ZAINAL ABIDIN BIN AHMAD (ZAABA)**

Kekuatan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu menjelang abad ke-21 ini banyak digerakkan oleh Zaaba sebagai pelopor awalnya. Demikian dirumuskan oleh C Skinner dalam bukunya 'Prosa Melayu Baharu' Penerbitan Longmans, Kuala Lumpur yang menyifatkan banyak persamaan di antara karangan Zaaba dengan Munshi Abdullah tentang isi, gaya bahasa dan kebiasaan menggunakan bidalan dan pengaruh jalan bahasa Inggeris.

Zaaba dianggap sebagai pelopor dalam kebangkitan pengajian ilmiah di bidang bahasa dan sastera Melayu dengan membahaskan teori-teori mengenai 'karang-mengarang, tata- bahasa serta sistem ejaan jawi dan rumi. Sumbangan besar Zaaba dalam pembangunan dan pengembangan bahasa Melayu inilah menjadikan beliau diberi gelaran 'Pendita' dalam Kongres Pesuratan Melayu Ketiga tahun 1956.

Namanya yang terlalu besar dalam bidang bahasa ini ikut sama menenggelamkan ketokohan beliau dalam perjuangan nasionalisme Melayu. Sumbangannya sebagai tenaga utama menggerakkan idea Kongres Melayu Pertama di Kelab Sultan Sulaiman, Kampung Baru, Kuala Lumpur 1-4 Mac 1946 hampir dilupakan oleh generasinya. Malah dari mulut Zaaba jugalah terungkapnya nama parti politik Melayu yang membentuk kerajaan berterusan sekarang iaitu UMNO.

Anak seorang guru agama dan membaca al-Quran terkenal, Zaaba dilahirkan pada 16 September 1895 di Kampung Bukit Kerdas, Batu Kikir, Jempol, Negeri Sembilan dengan nama sebenarnya Zainal Abidin bin Ahmad. Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Batu Kikir dalam tahun 1907 ketika berusia 12 tahun. Kelambatan memasuki alam persekolahan ketika itu bukanlah perkara luar biasa disebabkan sistem pendidikan yang belum teratur.

Di samping bersekolah di sebelah paginya, Zaaba mendapat didikan membaca al-Quran, tatabahasa Melayu dan asas-asas pelajaran agama Islam daripada ayahnya di sebelah petang. Dengan ini pengetahuan tatabahasa diperolehi oleh Zaaba secara tidak formal melalui ayahnya Tuan Guru Ahmad. Bagaimanapun Zaaba terpaksa berpindah mengikut ayahnya balik ke Linggi di Port Dickson dalam tahun 1909 apabila ibun-

ya yang dikasihi meninggal dunia.

Oleh itu Zaaba menyambung pembelajaran di Sekolah Melayu Linggi mulai tahun 1909. Beliau menamatkan persekolahan di Sekolah Melayu hingga Darjah V iaitu pencapaian paling tinggi ketika itu. Setelah tamat belajar di Sekolah Melayu beliau dihantar belajar di St. Paul's Institution, Seremban iaitu Sekolah Inggeris bagi budak lelaki sahaja mulai tahun 1910.

Sekalipun tempoh Zaaba belajar di Sekolah Melayu hanya tiga tahun, tetapi beliau melepasi 'darjah lompat' disebabkan umurnya di samping kecerdasan luar biasa yang dimilikinya dalam mata pelajaran. (Darjah lompat ialah membolehkan seorang pelajar darjah satu dinaikkan terus ke darjah tiga dan dari darjah tiga terus ke darjah lima).


Beliau lulus Senior Cambridge dalam tahun 1915 dan merupakan anak Melayu Negeri Sembilan yang pertama lulus Senior Cambridge. Dalam tahun 1916 Zaaba diterima berkhidmat menjadi guru bahasa Inggeris di English College, Johor Bahru. Setelah menjadi guru Zaaba seringkali balik ke Batu Kikir menziarahi neneknya seolah-olah begitu mencintai tanah kelahirannya kalau dibandingkan dengan Linggi sebagai kampung yang mendewasakannya. Semasa di Johor Bahru Zaaba terus mendalami pembelajaran bahasa Arab sebagai menghargai didikan yang diberikan oleh ayahnya sebelum itu.

Beliau juga mulai giat menulis rencana di akhbar-akhbar mengenai bahasa, pendidikan dan kritikan sosial. Bakatnya sebagai pengarang ini membawa beliau ditawarkan berkhidmat sebagai pensyarah dan penterjemah di Maktab Melayu Kuala Kangsar mulai bulan Oktober 1918. Kegiatan Zaaba sebagai penulis terus berkembang hingga merangkumi kesusasteraan Melayu dan agama melalui penulisannya di majalah berbahasa Melayu dan Inggeris.

Dalam bulan September 1921 Zaaba yang tidak jemu-jemu menimba ilmu telah lulus Kursus Normal kerajaan sebagai guru bahasa Inggeris. Dengan kelulusan itu Zaaba dilantik menjadi penterjemah bahasa Melayu di Pejabat Pelajaran Negeri-negeri Selat dan Melayu Bersekutu di Kuala Lumpur dalam bulan Mei 1923. Kemudiannya beliau dilantik pula menjadi pensyarah di Maktab Perguruan Sultan Idris, Tanjung Malim dalam bulan April 1924, di samping merangkap jawatan



Za'ba dengan isteri dan anak-anaknya.



Za'ba dengan bapanya dan berdiri disebelah kanan adiknya Yusuf Ahmad.

Ketua Bahagian Bahasa Melayu di Pejabat Karang-Mengarang.

Pendedahan awal yang diterima oleh Zaaba dalam perjawatan kerajaan ini banyak memberi pengalaman kepadanya dalam pembangunan dan pengembangan bahasa Melayu. pembelajaran tatabahasa dan kaedah ejaan yang digunakan di sekolah-sekolah dan maktab-maktab ialah dirujuk kepada jabatan yang dipimpin oleh Zaaba hingga akhirnya kaedah ejaan rumi yang dipakai sehingga dekad 60-an adalah dikenali sebagai 'Sistem Ejaan Zaaba'.

Teori tatabahasa atau nahu yang digunakan secara meluas terdapat dalam buku-bukunya Pelita Bahasa Melayu 1, 11, 111 dan Ilmu mengarang Melayu. Buku-buku yang diterbitkan sekitar tahun 1940 iaitu sebelum kedatangan Jepun adalah kesinambungan dari kerja-kerja yang dimulakan oleh Zaaba sejak tahun 1924 dengan menerbitkan buku 'Canai Bacaan'. Dalam tahun 1926/27 beliau menerbitkan pula 'Ilmu Bahasa Melayu' diikuti dengan 'Umbi Kemajuan' atau 'Sukatan Azali' dalam tahun 1932.

Di samping itu Zaaba juga banyak menulis makalah dalam bahasa Inggeris yang dimuatkan dalam 'Journal of the Malayan Branch Royal Asiatic Society' (JMBRAS). 'Rahsia Ejaan Jawi' risalah mengenai dasar-dasar peraturan ejaan jawi telah diterbitkan tahun 1931 atas usaha Zaaba juga. Atas pengalaman dan sumbangan besar Zaaba ini beliau telah diundang melawat Jawa, Bali dan Sumatera dalam tahun 1931 itu.

Maktab Perguruan Sultan Idris (MPSI) Tanjung Malim, sekitar tahun 1928-1931 merupakan pusat gerakan nasionalisme Melayu yang radikal. Pensyarah-pensyarah Melayu termasuk Zaaba, Abdul Hadi Hassan dan Harun Aminulrashid mula dicurigai oleh Inggeris dengan kemunculan Ibrahim Haji Yaakob pemimpin pelajar di MPSI yang radikal ketika itu. Bagaimanapun Zaaba terus bertahan di MPSI hingga September 1939, apabila beliau dipindahkan ke pejabat penerangan di Singapura. Manakala Harun Aminulrashid pula lebih awal ditukarkan ke Borneo.

Di Singapura tugas Zaaba ialah menyelenggarakan buku-buku mengenai pendidikan Melayu sahaja. Beliau berkhidmat di situ hingga tahun 1942 apabila Jepun menakluki Malaya. Dalam masa pendudukan Jepun beliau bertugas pula sebagai Ketua Siaran Warta Berita Bahagian



Ketika menerima bintang P.M.N. yang membawa gelaran  
Tan. Sri dari Yang diPertuan Agung



Cikgu Md. Noor Ahmad sedang menyarungkan songkok pendita kepada Za'ba  
dalam Kongres Bahasa dan Persauratan Melayu ke 3 di Johor Bahru tahun  
1956.

Melayu di Jabatan Radio Singapura atau dikenali ketika itu sebagai Syonan Shimbun. Latar belakang pengalaman Zaaba dalam perjawatan inilah banyak mendorong beliau dalam perjuangan kebangkitan nasionalisme Melayu.

Penglibatan awal Zaaba dalam gerakan politik sudah pun bermula sejak tahun 1935 dengan menyertai Persatuan Melayu Selangor yang dipimpin oleh Tunku Ismail bin Tunku Mohd. Yassin seorang kerabat diraja Negeri Sembilan yang juga seorang peguam. Apabila Tunku Ismail meninggal dunia 1942, Zaaba telah dipilih menjadi yang Dipertuanya.

Selepas pendudukan Jepun dalam bulan Ogos 1945, pentadbiran Tanah Melayu buat sementara diletakkan di bawah British Military Administration (BMA). Ketika inilah Parlimen British meluluskan rancangan membentuk Malayan Union dan mengeluarkan Kertas Putih yang mengandungi 13 Perkara. Rancangan Inggeris mahu membentuk Malayan Union ini memang tidak disedari oleh orang Melayu mengenai risiko yang akan menimpa mereka.

Akhbar '**MAJLIS**' telah menyiarkan berita mengenai rancangan Malayan Union itu di samping kesan buruknya kepada bangsa Melayu. Zaaba yang tersentuh dengan laporan berita tersebut telah menghubungi dua pemimpin Melayu berpengaruh iaitu Dato' Onn Jaafar pemimpin Pergerakan Melayu Semenanjung Johor yang juga Pegawai Daerah Batu Pahat ketika itu. Seorang lagi pemimpin Melayu yang dihubungnya ialah Dato' Panglima Bukit Gantang Haji Abdul Wahab bin Tok Muda Abdul Aziz, pemimpin Perikatan Melayu Perak.

Bagaimanapun perhubungan yang dibuat secara terburu-buru itu tidak dapat disusun dengan sempurna. Oleh itu Zaaba telah mengirim telegram kepada Kerajaan British di London membantah penubuhan Malayan Union itu. Disebabkan bantahan secara bersendirian tidak mendapat perhatian Kerajaan British, maka Zaaba sekali lagi berusaha menghubungi Dato' Onn Jaafar dan Dato' Panglima Bukit Gantang.

Dalam masa orang Melayu masih dalam ketakutan selepas tekanan mental dan fizikal ketika pemerintahan Jepun, Kerajaan British telah menghantar Harold Mac Michael pada 11 Oktober 1945 bagi memaksa Raja-raja Melayu menandatangani persetujuan menerima Malayan Union. Perkara yang menjadi tanda tanya ialah pengumuman di

Parlimen British mengenai penubuhan Malayan Union dibuat pada 10 Oktober 1945, tetapi Mac Michael sampai di Port Swettenham dengan kapal laut pada 11 Oktober 1945.

Maknanya perancangan rahsia dibuat begitu lama, kerana perjalanan dengan kapal laut tidak akan memakan masa sehari sahaja kalau dirujuk kepada kedatangan Mac Michael dalam tempoh sehari selepas pengumuman Malayan Union itu dibuat. Dalam keadaan tergesa-gesa inilah raja-raja Melayu tidak sempat berunding dengan pembesar-pembesar negeri masing-masing mengenai isu Malayan Union.

Muslihat British ini dapat difahami oleh Zaaba. Sebab itulah beliau berusaha keras memujuk Dato' Onn dan Dato' Panglima Bukit Gantang supaya menggunakan pengaruh mereka di kalangan raja-raja dan pembesar-pembesar Melayu untuk menggembelng tenaga rakyat jelata menentang Mac Michael dan Malayan Union.

Mac Micheal menamatkan misi yang mengguris perasaan orang Melayu pada 6 Januari 1946, dan terus balik ke London setelah memaksa raja-raja Melayu menurunkan tandatangan. Sultan Johor, Sultan Ibrahim ibni Almarhum Maharaja Abu Bakar ialah raja Melayu yang pertama dipaksa menurunkan tanda- tangan pada 20 Oktober 1945 diikuti oleh Sultan Selangor, Sultan Hishamuddin Alam Shah pada 24 Oktober 1945.

Selepas ini satu demi satu Raja-raja Melayu tidak berdaya melawan kehendak Mac Michael termasuk Sultan Abu Bakar (Pahang) pada 2 November 1945, Tuanku Abdul Rahman (Yamtuan Besar Negeri Sembilan) pada 14 November 1945, Sultan Abdul Aziz (Perak) 22 November 1945, Sultan Badli Shah (Kedah) 2 Disember 1945, Raja Syed Putra (Perlis) 12 Disember 1945 dan Sultan Ibrahim (Kelantan) pada 17 Disember 1945.

Raja Melayu yang terakhir menandatangani ialah Sultan Terengganu, apabila Sultan Ali yang menaiki takhta pada masa pemerintahan Jepun enggan mematuhi kemahuan Mac Michael. Oleh itu Kerajaan British tidak mengiktiraf raja yang diterima semasa pemerintahan Jepun. Dengan ini keputusan dibuat oleh British bagi mengiktiraf Sultan Ismail Nasiruddin Shah ibni Almarum Sultan Zainal Abidin menaiki takhta di Terengganu.

Setelah proses pemilihan Sultan Terengganu dibuat akhirnya Mac

Michael berjaya mendapatkan tandatangan bagi pihak raja dan rakyat Terengganu pada 21 Disember 1945. Muslihat British yang tidak berperikemanusiaan inilah memberi kesan mendalam di hati Zaaba, Dato' Onn dan Dato' Panglima Bukit Gantang. Pertemuan mereka di pejabat akhbar Majlis di Kuala Lumpur inilah mencetuskan idea bagi menggabungkan semua persatuan dan pertubuhan Melayu di seluruh negara dalam satu gerakan raksasa.

Oleh itu Zaaba selaku pemimpin Persatuan Melayu Selangor telah ditugaskan untuk mengendalikan perjumpaan raksasa yang dikenali sebagai Kongres Melayu. Satu jawatankuasa sambutan telah dibentuk dengan Zaaba sendiri menjadi pengerusi, Yunus Hamidi (pengarang akhbar Majlis) selaku setiausaha dan Kamaruddin Haji Idris memegang tanggungjawab bendahari. Mereka menganjurkan Kongres Melayu itu bertempat di Kelab Sultan Sulaiman, Kampung Baru, Kuala Lumpur pada 1-4 Mac 1946 bagi membolehkan persatuan dan pertubuhan Melayu di seluruh negara menghantar wakil masing-masing.

Dengan kegigihan Zaaba bersama jawatankuasa sambutan Kongres Melayu ini mereka berjaya mendapat sumbangan derma terutama dari Raja-raja Melayu sendiri. Persatuan Melayu Selangor berjaya mengumpulkan sejumlah \$15,000 bagi membiayai Kongres Melayu tersebut dan merupakan satu jumlah yang besar dapat dikumpulkan ketika itu. Melalui pengaruh Zaaba juga Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) gerakan politik radikal yang dipimpin oleh Dr. Burhanuddin al-Helmy, Ishak Haji Muhammad dan Ahmad Boestamam ikut sama menyertai Kongres Melayu ini.

Sebanyak 41 persatuan dan pertubuhan Melayu di seluruh negara menyertai Kongres Melayu yang pertama ini dengan melupakan perbezaan pendapat dan sentimen kenegerian. Kongres tersebut telah dirasmikan oleh Sultan Selangor, Sultan Hishamuddin Alam Shah pada 1 Mac 1946. Pemimpin-pemimpin Melayu telah diingatkan oleh Sultan Selangor dalam masa berjuang untuk membentuk gerakan politik Melayu yang besar mereka juga jangan melupakan perjuangan menegakkan agama Islam.

Persidangan melalui Kongres Melayu ini dipengerusikan oleh Dato' Onn Jaafar dari Pergerakan Melayu Semenanjung Johor, Johor

Bahru. Persatuan ini bergabung dengan Pesatuan Melayu Segamat dan merupakan paling ramai menghantar wakil dan pemerhati di kalangan 41 buah persatuan-persatuan yang hadir. Dua buah persatuan yang diketuai oleh Dato' Onn ini menghantar 6 wakil di samping 29 orang pemerhati.

Dato' Onn telah mencadangkan supaya gabungan persatuan-persatuan Melayu ini dinamakan Pertubuhan Melayu Bersatu (UMO) atau United Malay Organisation. Bagi mengukuhkan semangat perpaduan dan nasionalisme Melayu lantas Zaaba menyuarakan supaya ditambah perkataan 'national' dengan menamakan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) atau United Malays National Organisation. Cadangan Zaaba ini telah diterima dengan sebulat suara.

Apabila Dato' Onn Jaafar dipilih menjadi pengerusi penaja, Zaaba telah dipilih menjadi setiausaha. Kongres Melayu yang menaja penubuhan UMNO kemudiannya mengambil ketetapan untuk menentang pembentukan Malayan Union secara habis-habisan. Ketetapan kongres telah diisytiharkan kepada orang ramai pada 4 Mac 1946 di rapat raksasa yang diadakan di Dewan Bandaran (Town Hall) Kuala Lumpur pada sebelah petangnya sebaik sahaja kongres berakhir.

Kerajaan British tidak mengambilkira bantahan orang-orang Melayu, sebaliknya mahu meneruskan juga pembentukan Malayan Union pada 1 April 1946 dengan melantik Edward Gent selaku Gabenor atau wakil Raja England di negeri-negeri Melayu. Oleh itu satu perjumpaan tergegar diadakan di Kuala Lumpur oleh wakil Kongres pada 30 dan 31 Mac 1946 bagi menentukan langkah-langkah seterusnya.

Zaaba mewakili negeri Selangor bersama Dato' Hamzah Abdullah (Menteri Besar Selangor 1948 - 1949) dan kongres tergegar ini dengan mengambil ketetapan mendesak Raja-raja Melayu memulaukan perlantikan Edward Gent pada 1 April 1946. Persidangan tersebut dirasmikan oleh Zaaba dan kemudiannya telah mencadangkan Tunku Abdul Rahman menjadi pengerusi. Bagaimanapun Tunku telah menolak, seterusnya persidangan melantik Dato' Onn Jaafar mempengerusikan persidangan.

Keputusan pesidangan ini telah membawa orang Melayu berkumpul pada pagi 1 April 1946 di Hotel Stesen, Kuala Lumpur tempat sembilan orang raja menginap sebelum menghadiri upacara rasmi Edward

Gent mengangkat sumpah di Rumah Persekutuan, Kuala Lumpur. Beribu-ribu orang Melayu dengan pakaian berkabung memekik laungan 'Daulat Tuanku' di hadapan bangunan, manakala Dato' Onn, Dato' Panglima Bukit Gantang, Dato' Nik Ahmad Kamil dan Dato' Hamzah Abdullah masuk ke dalam bangunan bagi menghalang Raja-raja Melayu.

Peristiwa bersejarah inilah yang merakamkan bahawa upacara perlantikan Edward Gent selaku Gabenor Malayan Union tidak dihadiri oleh raja-raja Melayu. Zaaba telah memainkan peranan utama dalam mencorakkan pemerintahan negeri-negeri Melayu apabila Kerajaan British mahu memaksakan penubuhan Malayan Union kepada orang-orang Melayu.

Dalam tempoh pergolakan hebat ini Zaaba berkhidmat sebagai penterjemah di Pejabat Pelajaran Selangor semenjak 1945 lagi. Apabila UMNO mengorak langkah menjadi pertubuhan politik mulai 11 Mei 1946, Zaaba tidak meneruskan perjuangannya. Sepertimana beliau memberitahu para wartawan beberapa tahun kemudian, "Saya tak gemar politik, tapi saya gemar dengan cakap-cakap politik".

Pertengahan tahun 1947 beliau dihantar ke England berkhidmat sebagai pensyarah bahasa Melayu di Oriental School of Oriental and African Studies di Universiti London. Beliau meneruskan pengajiannya di universiti tetapi gagal memperolehi ijazah. Dengan ini Zaaba pulang ke tanahair tahun 1950 dan berkhidmat di Universiti Malaya, ketika itu di Singapura.

Semangatnya yang gigih dalam menimba ilmu inilah tidak menghalang Zaaba memperolehi Ijazah Sarjana Muda (BA Honours) dalam tahun 1953 ketika berusia 58 tahun. Memang Zaaba tidak dikenali di bidang politik, tetapi sumbangannya dalam pembangunan dan pengembangan bahasa Melayu lebih besar maknanya kepada negara. Tidak hairanlah ramai para sarjana dan cendekiawan Melayu secara ikhlas menerangkan: Bahasa Melayu terhutang budi kepada Zaaba, hanya dengan buku-buku Zaaba sahaja Melayu mempunyai panduan mengenai bahasa Melayu.

Dalam tahun 1953 semasa bertugas di Universiti Malaya, Singapura sebagai Ketua Pengajian Melayu, Zaaba mendermakan buku-buku koleksinya berjumlah 3,179 naskhah kepada Universiti Malaya

untuk tujuan penyelidikan, di samping wang tunai \$10,000 sebagai biasiswa pendidikan tahun 1953. Beliau kemudiannya menerima anugerah pingat Panglima Mangku Negara (PMN) tahun 1962 dari Yang di-Pertuan Agong Ketiga (Tuanku Syed Putra ibni Almarum Syed Hassan Jamalulail) yang membawa gelaran Tan Sri.

Zaaba lebih dikenali dari nama batang tubuhnya Tan Sri Dr. Zainal Abidin bin Ahmad ini telah meninggal dunia pada 23 Oktober 1973 — semoga Allah cucuri rahmat ke atas rohnya, Amin.